

8597

MUSABAQAH-MAHATHIR

EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 9.50 MALAM HARI INI.

1981

KUALA LUMPUR, 18 JULAI (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MENGAJAK PARA INTELEK ISLAM SUPAYA BEKERJASAMA MEMBANTU KERAJAAN MERANCANG DAN MELAKSANAKAN PROGRAM-PROGRAM PEMBANGUNAN NEGARA SELARI DENGAN LUNAS-LUNAS AJARAN AL-QURAN.

PERDANA MENTERI BERKATA USAHA KERAJAAN UNTUK MEMBAIKI KEADAAN HIDUP RAKYAT MISKIN DAN DHAIF YANG SEBAHAGIAN BESARNYA TERDIRI DARI MASYARAKAT ISLAM ADALAH SELARAS DENGAN AJARAN AL-QURAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERUCAP DI MAJLIS PEMBUKAAN MUSABAQAH MEMBACA AL-QURAN PERINGKAT ANTARABANGSA OLEH YANG DI-PERTUAN AGONG DI STADIUM MERDEKA DI SINI MALAM INI.

INILAH JULUNG KALI DATUK SERI DR. MAHATHIR MUNCUL DI KHALAYAK RAMAI DALAM MAJLIS RASMI SEJAK MENJADI PERDANA MENTERI MALAYSIA KE-EMPAT KHAMIS LALU.

BELIAU MENEGASKAN SEKALI LAGI USAHA-USAHA PEMBANGUNAN YANG RANCAK DIJALANKAN OLEH KERAJAAN SELAMA INI BUKANLAH SEMATA-MATA DITUMPUKAN KEPADA ASPEK MATERIAL YANG TIDAK BERTENTANGAN DENGAN KEHENDAK ISLAM TETAPI JUGA TERMASUK CIRI-CIRI KERONYANIAN YANG JUGA SESUAI DENGAN AJARAN ISLAM. — BERSAMBUNG 1650/AZ

8598:

MUSABAQAH-MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

BELIAU MENYERU UMAT ISLAM SUPAYA MENYAMBUUT USAHA KERAJAAN DENGAN MENGAMBIL BAHAGIAN DAN MEMENUHI PELUANG DALAM MENINGGIKAN TAKAF HIDUP MEREKA SEHARI-HARI SUPAYA MASA DEPAN DAN JENERASI UMAT ISLAM AKAN DATANG LEBIH TERJAMIN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYERU KAUM MUSLIMIN DAN MUSLIMAT AGAR SENTIASA MENDAMPINGI AL-QURAN DAN MENGAMALKAN AJARAN-AJARANNYA.

BELIAU BERHARAP MUSABAQAH INI DAPAT MENDORONG DAN MENAMBAHKAN MINAT UMAT ISLAM UNTUK MEMBACA, MENELITI SERTA MENGAJAI AL-QURAN DAN MENJADIKANNYA SEBAGAI PEDOMAN HIDUP. — BERSAMBUNG 1653/AZ

MUSABAQAH-MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

KATANYA, JIKA DISELIDIKI DAN DIFANANI BETUL-BETUL ISI KANDUNGAN AL-QURAN ITU NESCAYA DIDAPATI AYAT-AYAT YANG MENERANG DAN MENGGALAKKAN UMAT ISLAM MEMCUNGKIL DAN MEMDONGKAR SEGALA SUMBER KEKAYAAN DAN KEMEWAHAN YANG DIKURNIAKAN ALLAH UNTUK KEMAKMURAN DI DUNIA.

TEGASNYA, AL-QURAN BUKAN SAHAJA MENGAJAR HUBUNGAN ANTARA MANUSIA DENGAN TUHAN UNTUK MENCAPAI KEBAHAGIAN DI AKHIRAT TETAPI MANUSIA DIGALAKKAN MEREDUI PELUANG-PELUANG YANG ADA DI DUNIA UNTUK KEBAHAGIAN KEMEWAHAN DALAM KEHIDUPAN MEREKA.

+UNTUK MENJAMIN SUPAYA UMAT ISLAM BENAR-BENAR HIDUP BAHAGIA DAN BEROLEH KEJAYAAN, ISLAM MENGANJURKAN UMATNYA JANGAN MEMISAHKAN DI ANTARA DUNIA DAN AKHIRAT,+ KATANYA.

+INI KERANA DUNIA ADALAH JAMBATAN KE AKHIRAT. DI DALAM HUKUM-HUKUM UGAMA ISLAM TIDAK ADA SEBARANG PEMISAH ANTARA KEDUA-DUANYA, DAN TIDAK TIMBUL SAMA SEKALI SOAL AGAMA BOLIH JADI PENGHALANG KEPADA KEMAJUAN DUNIA DAN ADALAH SEMATA-MATA UNTUK AKHIRAT,+ JELASNYA. — BERNAMA 1656/AZ

PARA DUA HARAP BACA...DI DUNIA UNTUK KEBAHAGIAN DAN KEMEWAHAN.....